

3 MAR 1996

Mahathir - Perjanjian

PERJANJIAN 20 PERKARA TIDAK BANGKIT DALAM PINDA PERLEMBAGAAN SABAH

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kajian semula atau penghapusan keistimewaan Perjanjian 20 Perkara kepada Sabah tidak berbangkit dalam usaha meminda perlembagaan negeri itu.

Yang penting dalam pindaan perlembagaan Sabah yang hendak dibuat itu ialah mengurangkan kuasa Ketua Menteri negeri berkenaan, katanya kepada pemberita sekembalinya daripada menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) yang pertama di Bangkok.

"Jika 20 perkara itu nak dikaji semula, ia harus dikaji untuk kedua-dua pihak. Ia tidak harus tertumpu kepada Sabah tetapi keseluruhannya (Malaysia) agar tidak wujud perasaan takut kerajaan mengambil tindakan atau memihak kepada mana-mana pihak," katanya sebagai mengulas kenyataan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik yang mencadangkan supaya Perjanjian 20 Perkara itu dihapuskan.

"Sepatutnya selepas 10 tahun Perjanjian 20 Perkara itu dilaksanakan, kita harus kaji untuk merapatkan hubungan antara kedua-dua pihak serta menintegrasikan Sabah dengan semenanjung Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, katanya, pada masa ini masih wujud sekatan tertentu bagi rakyat semenanjung yang hendak ke Sabah.

"Yang penting kita harus anggap diri kita sebagai rakyat Malaysia," katanya.

Khamis lepas Rahim berkata dalam usaha meminda perlembagaan Sabah, wajar juga kajian dibuat bagi menghapuskan keistimewaan perjanjian 20 Perkara yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Kenyataan Rahim itu telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan penduduk Sabah dan Sarawak terutamanya parti-parti politik yang membidas Rahim dan menganggap ia tidak harus dibangkitkan. -- Bernama.

ARA AHH